

TEKS UCAPAN

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN
TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, HAL EHWAL
PENGGUNA**

DI

**HARI ANUGERAH CEMERLANG KOLEJ
VOKASIONAL KUCHING**

PADA

3 OGOS 2018 (JUMAAT)

TEMPAT

DEWAN KOLEJ VOKASIONAL KUCHING

Salam Sejahtera

Terima

Kasih

Saudara/Saudari

Pengacara Majlis;

Salutasi

Para Hadirin yang

Dihormati Sekalian,

**1. Terlebih dahulu saya
ingin mengucapkan
terima kasih kerana sudi**

menjemput saya untuk
merasmikan ***Hari
Anugerah
Cemerlang Kolej
Vokasional Kuching,
bagi tahun 2018.***

Syabas dan tahniah
kepada pihak kolej
kerana berjaya
mengadakan program
ini bagi menghargai

kejayaan para pelajar yang telah membuktikan kecemerlangan dalam pelbagai sudut aspek. Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada pelajar - pelajar cemerlang daripada kolej ini.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

2. Peranan pendidikan telah berubah dengan jelas daripada fungsi tradisionalnya di mana para pelajar bukan sahaja datang ke institusi pendidikan untuk belajar tetapi

untuk dididik sebagai pewaris negara agar menjadi modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia. Oleh itu, penambahbaikan dan perubahan perlu dikaji dari semasa ke semasa bagi melahirkan modal insan yang berkualiti.

3. Sistem pendidikan kita mestilah sentiasa dinamik dan progresif seiring dengan peredaran zaman. Justeru itu, TVET telah diperkenalkan bagi memenuhi permintaan industri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi,

selaras dengan
globalisasi, ekonomi
berasaskan
pengetahuan, kemajuan
teknologi dan mobiliti
tenaga kerja global.
TVET adalah elemen
yang penting untuk
menyediakan modal
insan berkemahiran
yang diperlukan industri,

terutama untuk
menyokong peralihan
sektor ekonomi ke arah
aktiviti berasaskan
pengetahuan, selari
dengan aspirasi menjadi
negara maju pada tahun
2020.

***Hadirin yang dihormati
sekalian,***

4. Bagi menghasilkan kualiti pendidikan yang bermutu, para tenaga pengajar perlu melakukan perubahan dalam melaksanakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang

menggalakkan para
pelajar untuk berfikir
secara kreatif dan
inovatif. Dengan erti
kata lain, orientasi
pengajaran dan
pembelajaran mesti
berganjak daripada
pembelajaran berbentuk
hafalan (**rote learning**)

kepada pembelajaran yang lebih berinteraktif.

5. Ibu dan bapa juga perlu memainkan peranan yang penting dalam tanggungjawab melahirkan pelajar yang mempunyai sifat sendiri yang baik. Ibu bapa

perlu memastikan usaha yang dimulakan di sekolah akan diteruskan apabila murid-murid balik ke rumah. Saya yakin, ibu bapa yang berada dalam dewan ini pasti berasa bangga dengan pencapaian anak-anak mereka pada

hari ini. Tahniah dan syabas diucapkan.

6. Selain itu, para pendidik juga janganlah cepat berasa puas dengan pencapaian pada hari ini. Seorang pendidik mestilah sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan

agar perkhidmatan pendidikan akan menjadi contoh kepada perkhidmatan yang lain. Seperti yang kita semua sedia maklum, para pelajar merupakan tiang negara dan bakal pemimpin negara kerana **Pemuda harapan bangsa,**

pemudi tiang negara.

Jadi pengasuhan,

bimbingan dan

dorongan dari semua

aspek hidup dari

peringkat awal lagi

adalah amat penting.

Pencapaian mereka dari

segi akademik sahaja

tidak memadai. Malahan

pembangunan dan

perkembangan yang
tinggi dalam aspek
keperibadian juga
adalah perlu diberi
perhatian yang sama
berat.

Saya percaya
sambutan Hari Anugerah
Cemerlang pada hari ini

adalah selari dengan
matlamat memberi
dorongan dan
memotivasikan para pelajar
agar terus berusaha untuk
mencapai kecemerlangan
dalam semua bidang.
Diharapkan semoga
program seumpama ini
dapat berterusan pada
masa-masa akan datang

bukan sahaja untuk pelajar yang cemerlang tetapi juga yang kurang cemerlang tetapi ada peningkatan atau kemajuan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk

mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pelajar yang akan menerima hadiah nanti atas pencapaian mereka dan diharapkan pencapaian kecemerlangan tersebut tidak berakhir di sini sahaja. Teruskanlah kecemerlangan itu sampai bila-bila. Segala kejayaan ini tidak

seharusnya meleakakan kita. Benar kita telah mencipta banyak kejayaan, tetapi ini tidak bermakna bahawa kita boleh selesa berpeluk tubuh mengharapkan setiap kejayaan yang dicipta pada masa lalu akan berulang dengan sendirinya pada masa hadapan. Hakikatnya, kita sedang menghadapi

pelbagai cabaran baru yang menuntut supaya kita sentiasa meneroka ilmu terkini, melakukan inovasi dan berusaha untuk melangkaui sempadan kecemerlangan. Bagi menyokong dan mendokong transformasi pendidikan teknik dan vokasional ini, saya

berbesar hati untuk
memberi sumbangan
sebanyak

Kepada pihak Kolej
Vokasional Kuching sebagai
pemangkin semangat
warga KV Kuching untuk
terus cemerlang pada masa
akan datang.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kolej Vokasional Kuching kerana berjaya menganjurkan Hari Anugerah Cemerlang tahun ini.

Saya dengan ini dengan
penuh rasa bangga
merasmikan Hari Anugerah
Cemerlang, tahun 2018
peringkat Kolej Vokasional
Kuching. Sekian, terima
kasih.

